

GARIS PANDUAN KRITERIA DAN STANDARD PROGRAM DIPLOMA EKSEKUTIF

1. PENDAHULUAN

Garis Panduan Kriteria dan Standard ini meliputi definisi diploma eksekutif, kumpulan sasaran, hasil pembelajaran, reka bentuk kurikulum, kaedah penilaian, kaedah pengendalian, kaedah pengajaran dan pembelajaran, kelayakan masuk, jumlah kredit bergraduasi dan Pengakreditasi Pengalaman Pembelajaran Terdahulu (Accreditation of Prior Experiential Learning, APEL), tahap dan sektor diploma eksekutif dalam *Malaysian Qualifications Framework* (MQF) serta Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) yang layak menawarkan Diploma Eksekutif dengan mengambil kira prinsip dan cadangan yang berikut:

- 1.1 Walaupun program Diploma Eksekutif tidak termasuk dalam MQF tetapi konsep diploma ini boleh di masukkan dalam sektor pendidikan sepanjang hayat pada tahap 4 dalam Jadual 1: MQF.
- 1.2 Sistem kredit MQF yang menyatakan bahawa di Malaysia 40 jam pembelajaran dinilai sebagai 1 kredit boleh digunakan bagi pengiraan kredit program ini. Pernyataan MQF ini yang membawa maksud *1 credit = 40 notional hours of student academic load* boleh menjadi dasar perkiraan jam bergraduasi Diploma Eksekutif. Mengambil kira calon Diploma Eksekutif telah mempunyai pengalaman kerja, maka jam bergraduasi bagi Diploma Eksekutif dicadangkan sekurang-kurangnya 60 kredit, iaitu bersamaan dengan 2400 jam beban pembelajaran dalam tempoh di antara 1½ hingga 2 tahun.
- 1.3 Diploma Eksekutif melibatkan calon yang mempunyai pengalaman bekerja dalam bidang yang berkaitan. Sehubungan itu, diploma tahap ini sesuai diletakkan dalam Sektor Pendidikan Sepanjang Hayat, pada Tahap 4 dalam MQF.

2. DEFINISI DIPLOMA EKSEKUTIF

- 2.1 Diploma Eksekutif adalah merupakan laluan pendidikan alternatif untuk pekerja industri yang tidak mempunyai peluang mengikuti program laluan akademik semasa awal kehidupan mereka bagi memperkayakan pekerjaan, membangun dan mengemas kini kemahiran dan pengetahuan untuk diaplikasikan di alam pekerjaan.
- 2.2 Diploma Eksekutif juga disediakan untuk menangani isu spesifik dan keperluan segera sumber manusia dalam sektor industri, yang tidak diberi perhatian dalam pendidikan aliran akademik.

3. KUMPULAN SASARAN

- 3.1 Kumpulan sasaran bagi program Diploma Eksekutif adalah untuk lepasan SPM yang sedang bekerja atau dengan pengalaman bekerja atau dengan Pengakreditan Pengalaman Pembelajaran Terdahulu (APEL)¹ dalam Sektor Pendidikan Sepanjang Hayat, MQF bagi mempertingkatkan kemahiran dan pengetahuan yang berkaitan dengan kerjaya mereka.
- 3.2 Diploma Eksekutif adalah juga untuk menganugerahkan kelayakan diploma yang sesuai dan berkualiti bagi maksud pekerjaan dan kemasukan ke peringkat yang lebih tinggi di PPT.

4. HASIL PEMBELAJARAN

Merujuk kepada ciri-ciri generik yang termaktub dalam MQF bagi diploma Tahap 4, hasil pembelajaran program ini dicadangkan dapat memberikan pelajar:

- 4.1 Menggunakan pengetahuan, kefahaman dan kemahiran praktikal dalam proses kerja bidang.

¹ Pengakreditan Pengalaman Pembelajaran Terdahulu (PPPT) atau *Accreditation of Prior Experience & Learning* (APEL) yang diperolehi melalui pendidikan formal, informal dan tak formal di IPT, tempat kerja, kerja sukarela dan pembelajaran sendiri.

- 4.2 Membuat penilaian dan keputusan yang mengambil kira isu sosial, saintifik dan etika dengan autonomi sederhana.
- 4.3 Menunjukkan kepercayaan diri dan keusahawanan untuk menjana pekerjaan sendiri.
- 4.4 Menunjukkan kebertanggungjawaban sebagai ahli masyarakat di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
- 4.5 Menunjukkan kemahiran belajar untuk beradaptasi kepada idea, proses dan prosedur baru untuk perkembangan profesion/kerjaya.
- 4.6 Menunjukkan kemahiran berpasukan, kecekapan berkomunikasi dan dapat menyampaikan maklumat, idea, masalah serta penyelesaian dengan berkesan.

5. REKA BENTUK KURIKULUM

- 5.1 Reka bentuk kurikulum Diploma Eksekutif dicadangkan digubal dengan komposisi kandungan yang terdiri daripada kursus-kursus wajib institusi dan kursus-kursus teras seperti yang berikut:
 - i. **Wajib Institusi: 10-30%** seperti Bahasa Inggeris, Jatidiri, Kenegaraan, Pembinaan Sahsiah Diri dan lain-lain kursus yang bersesuaian.
 - ii. **Teras: 70-90%** dalam pelbagai bidang pengajian untuk profesion kerjaya. Contohnya, bidang pengurusan, pentadbiran perniagaan, kejuruteraan, perakaunan, insuran dan sebagainya.

6. KAEDAH PENILAIAN

- 6.1 Penilaian Diploma Eksekutif dicadangkan terdiri daripada dua bahagian, iaitu penilaian berterusan (formatif) dan peperiksaan akhir (sumatif) sebagaimana berikut:
- i. Penilaian berterusan sebanyak 40% - 60%. Contoh penilaian berterusan yang dicadangkan adalah seperti di bawah:
 - a) kuiz
 - b) ujian/ujian amali
 - c) pembentangan
 - d) projek/penyelidikan/laporan
 - e) portfolio
 - ii. Peperiksaan akhir 40% - 60%.
- 6.2 Kaedah penilaian lain juga boleh digunakan sekiranya ianya dapat membantu penilaian pencapaian hasil pembelajaran khususnya bagi hasil pembelajaran yang memerlukan pemerhatian dan tidak boleh diuji dalam peperiksaan.

7. KAEDAH PENGENDALIAN

- 7.1 Pengendalian program Diploma Eksekutif boleh dilaksanakan secara konvensional atau pengajian jarak jauh.
- 7.2 Bagi mod konvensional secara sambilan (hujung minggu), perlu menyatakan peratus *traditional (Guided) in class learning activities* seperti kuliah/makmal dan tutorial, peratus *additional (Guided/Supervised) teaching and learning in and off class activities* seperti *project, industrial training* dan lain-lain serta menentukan peratus *(Managed) Independent learning/activities* seperti *assignment, self-learning (modul)* termasuk pengujian dan penilaian. Beban pembelajaran ini bergantung kepada hasil pembelajaran yang perlu dicapai untuk menyempurnakan pengajian sesuatu program yang meliputi 60 kredit minimum.

7.3 Bagi mod jarak jauh (*online*), perlu menyatakan peratus *traditional (Guided) in class learning activities* seperti tutorial /pertemuan, peratus *additional (Guided/Supervised) teaching and learning in and off class activities* seperti *project, industrial training* serta peratus (*Managed*) *Independent learning/activities* seperti *assignment, self-learning (modul)* termasuk pengujian dan penilaian. Beban pembelajaran ini bergantung kepada hasil pembelajaran yang perlu dicapai untuk menyempurnakan pengajian sesuatu program yang meliputi 60 kredit minimum.

8. KAEDAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

8.1 Kaedah pengajaran dan pembelajaran yang dicadangkan adalah terdiri daripada:

- a) Kuliah
- b) Tutorial
- c) Praktikal / amali
- d) *Problem-Based Learning (PBL)*
- e) e-Pembelajaran

8.2 Kaedah pengajaran dan pembelajaran yang lain serta bersesuaian juga boleh digunakan sekiranya ianya dapat membantu pencapaian hasil pembelajaran.

9. KELAYAKAN MASUK

9.1 Lulus SPM dengan sekurang-kurangnya 3 kredit atau kelayakan yang setara dan mempunyai pengalaman bekerja sekurang-kurangnya selama 3 tahun dalam bidang berkaitan dan berusia sekurang-kurangnya 21 tahun ke atas;

atau

9.2 Kes khas adalah kelayakan masuk berdasarkan Pengakreditan Pengalaman Pembelajaran Terdahulu atau *Accreditation of Prior Experiential Learning (APEL)* dinilai melalui penilaian yang standard.

10. JUMLAH KREDIT BERGRADUAT DAN ACCREDITATION OF PRIOR EXPERIENTIAL LEARNING (APEL)

10.1 Jumlah maksimum pengecualian kredit yang diberikan melalui APEL adalah 30 peratus daripada program destinasi yang dipohon.

10.2 Pengecualian kredit perlu dimohon daripada Pusat Penilaian APEL Kebangsaan yang akan ditubuhkan.

11. TAHAP DAN SEKTOR DIPLOMA EKSEKUTIF DALAM MQF

11.1 Tahap dan sektor Diploma Eksekutif dicadangkan diletakkan pada Tahap 4 dalam MQF di bawah Sektor Pendidikan Sepanjang Hayat seperti di **Lampiran A**.

12. PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI YANG LAYAK MENAWARKAN DIPLOMA EKSEKUTIF

12.1 PPT yang telah mendapat kelulusan penubuhan daripada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan telah menawarkan program diploma akademik di Tahap 4, MQF.

12.2 Institusi Pengajian Tinggi Awam yang telah mendapat kelulusan pengendalian program daripada Senat.

12.3 Badan profesional atau badan persijilan yang mendaftar dan mendapat kelulusan dengan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

KELAYAKAN MALAYSIAN QUALIFICATIONS FRAMEWORK
MENGIKUT SEKTOR PENDIDIKAN DAN LATIHAN

TAHAP MQF	SEKTOR			
	KEMAHIRAN	VOKASIONAL & TEKNIKAL	PENGAJIAN TINGGI	PENDIDIKAN SEPANJANG HAYAT
8			Ijazah Kedoktoran	Pengakreditan Pengalaman Pembelajaran Terdahulu (PPPT)
7			Ijazah Sarjana	
6			Sijil dan Diploma Pasca Siswazah	
			Ijazah Sarjana Muda	
			Sijil dan Diploma Siswazah	
5	Diploma Lanjutan	Diploma Lanjutan	Diploma Lanjutan	
4	Diploma	Diploma	Diploma	PPPT (Diploma Eksekutif)
3	Sijil Kemahiran 3	Sijil Vokasional & Teknikal	Sijil	PPPT
2	Sijil Kemahiran 2			
1	Sijil Kemahiran 1			